

# Prihatin agenda memartabat Islam

Multaqa Ulama' dan Ilmuan Islam Darul Ta'zim cetusan idea Tuanku

KAMARUL HALIM M KAMAL & SHAFRY SALIM

**BATU PAHAT** - Sebagai ketua agama Islam Negeri, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sentiasa prihatin dengan agenda pembangunan dan kemajuan pengurusan hal ehwal Islam di Negeri Johor.

Salah satu cetusan idea baginda yang memberi impak besar terhadap usaha memartabatkan agama Islam di negeri ini adalah penganjuran Multaqa Ulama' dan Ilmuan Islam Darul Ta'zim.

Program berkenaan dianjurkan sebagai salah satu acara bersempena sambutan Hari Keputeraan baginda sejak tahun 2010 lagi.

Multaqa yang menemukan ulama' dan ilmuan Islam ini bertujuan menyatu padu, memperkuuh dan memartabatkan institusi serta kedudukan ulama, pemerintah dan ilmuan Islam agar boleh berhadapan dengan semua golongan manusia berdasarkan kesesuaian masa dan keadaan.

Ia juga untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan terhadap isu-isu semasa dan jalan penyelesaian berdasarkan kehendak syarak dan keperluan masyarakat.

Semasa menyempurnakan Multaqa pertama yang berlangsung pada 8 Disember 2010 di Persada Johor Bahru, Sultan Ibrahim telah bertitah dengan mengingatkan rakyat supaya terus mempertahankan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dan mengamalkan ajaran Islam mengikut Mazhab Syafie bagi mengelak perpecahan.

"Bagi mengatasi masalah yang timbul berkaitan akidah, ibadah dan fahaman Islam, saya mencadangkan kerajaan Johor mewujudkan kumpulan pemikir Islam yang dianggotai pakar termasuk ulama, ahli perundangan dan sasterawan bagi membincangkan masalah berkaitan masyarakat Islam dan penyelesaiannya" titah baginda.

Baginda turut meminta ulama menyebarkan ilmu dan pengetahuan melalui penulisan sebagaimana yang diamalkan oleh ulama silam seperti Imam Al-Ghazali dan Imam Syafie.

Sultan Ibrahim juga mengesyorkan mewujudkan pusat pemurnian akidah serta pusat kajian, penyelidikan, pengembangan dan penyebaran Mazhab Syafie.



Multaqa Ulama' Darul Ta'zim menemukan pemimpin, ulama dan cedekawan Islam dari dalam dan luar negara.

## IASWJ pusat penyelidikan khusus bagi fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia

Bertitik tolak dari titah inilah, Multaqa kedua yang berlangsung pada 27 Mac 2012 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah memperhalusi gagasan ini dan mempersempahkan resolusi berkenaan penubuhan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (IASWJ) ini kepada baginda.

Sultan Ibrahim yang juga Canselor UTHM telah berkenan agar institut ini ditubuhkan di UTHM sebagai salah satu pusat penyelidikan dengan penglibatan para ulama, pemikir dan ahli akademik yang berupaya menjadikan institut ini sebagai pusat rujukan bagi fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Antara tujuan penubuhan IASWJ ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan amalan ajaran al-Quran dan al-Sunnah berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah khasnya di negeri Johor dan amnya di Malaysia.

Penubuhan IASWJ mendapatkan sokongan padu daripada Majlis Agama Islam Johor (Maj) .

Penubuhan IASWJ ini amat tepat pada masanya memandangkan penularan pelbagai fahaman songsang seperti ajaran Syiah yang semakin berleluasa ketika ini. Antara komponen utama yang terdapat di dalam Institut ini adalah Pusat Sumber Digital IASWJ.

Pusat sumber ini adalah perpustakaan maya yang pertama seumpamanya yang memuatkan koleksi buku, jurnal dan manuskrip bersandarkan fahaman dalam bidang Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pada ketika ini, sebanyak 15,000 kandungan boleh

dicapai secara online dengan melayari laman web [www.iaswj.com](http://www.iaswj.com).

Institut ini mempunyai beberapa komponen lain yang boleh dimanfaatkan iaitu; Klinik Hukum, Klinik Terapi Solat, Klinik Haji dan Klinik Kerohanian. Institut ini juga menerbitkan bahan-bahan bacaan berkaitan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai rujukan umum.

Dengan idea dan inisiatif yang digagaskan oleh Sultan Ibrahim, kini Negeri Johor merupakan satu-satunya negeri yang memiliki pusat penyelidikan khusus bagi menjadi rujukan masyarakat berkenaan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah di Malaysia.

## FAKTA

### Objektif penubuhan IASWJ

- Menjadi institut penyelidikan dan perundingan dalam pelbagai bidang yang berkaitan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan ajaran yang bertentangan dengannya seperti fahaman syiah dan ajaran-ajaran sesat yang lain.
- Menjadi institut penyelidikan yang akan melibatkan para penyelidik di bawah program ijazah sarjana dan Ph.D dalam bidang yang berkaitan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- Menjadi institut pengumpulan dokumen dan pengurusan data hasil penyelidikan yang akan diterbitkan untuk menjadi rujukan pihak kerajaan dan swasta.
- Menjadi institut latihan kepakaran dan perundingan dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah dan fahaman yang berlawanan dengannya bagi mempertahankan kesucian syiar Islam di Negeri Johor.